



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**08 MAC 2019 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**The Star**

- |                                                                |    |
|----------------------------------------------------------------|----|
| - Clogged drain near Setiawangsa LRT Station worries commuters | 04 |
|----------------------------------------------------------------|----|

**Sinar Harian**

- |                                            |    |
|--------------------------------------------|----|
| - AJK surau pantau kanak-kanak buat bising | 24 |
| - Pertimbang bina semula rumah             | 24 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
08 MAC 2019 (JUMAAT)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Clogged drain near Setiawangsa LRT Station worries commuters
Muka Surat	04

## Clogged drain near Setiawangsa LRT station worries commuters



The drain at a private parking lot behind Setiawangsa LRT station is clogged and filled with dirty water.

TS 8/3/19 M/S 04

COMMUTERS are irked by a clogged drain at a private parking area next to the Setiawangsa LRT station as it is turning into a breeding spot for insects.

Frequent commuter Kevin Chong said the drain had been clogged for a few months.

"I used to park at the parking lot but felt disgusted after seeing the stagnant water in the drain.

"It has become a breeding ground for insects so I decided to park elsewhere," he said.

A resident who lives nearby and wanted to be known as Kumar, said the problem had persisted for more than two months.

"I live near Jalan Jelatek and walk past the parking lot to get to a convenience store and the morning

market next to the Setiawangsa LRT station daily.

"Dried leaves and branches as well as soil erosion from a nearby hill has clogged the drain.

"Now, it is filled with dirty water and the authorities must do something," said the 72-year-old retiree.

A visit to the site revealed that insect larvae and small insects were present there.

Dried branches and leaves were seen scattered around the back of the parking lot.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) press relations officer Norhayati Ahmad said the contractor had been informed of the problem.

"They will clean up the area soon," she said. — By JAROD LIM



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
08 MAC 2019 (JUMAAT)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	AJK surau pantau kanak-kanak buat bising
Muka Surat	24

HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL- 019 3371003 / 019 6680275

24 8/3/19 M/S 24.

## AJK surau pantau kanak-kanak buat bising

PANDAN INDAH – Ahli Jawatankuasa Surau Al-Falah Pandan Jaya memandang serius berhubung aduan jemaah mengenai sekumpulan kanak-kanak kerap membuat bising ketika solat Jumaat.

Pengerusi Surau Al-Falah Pandan Jaya, Azlan Abu Samah berkata, tindakan sudah dilaksanakan supaya kejadian itu tidak berulang pada masa hadapan.

“Salah seorang ahli jawatankuasa surau ditugaskan untuk memantau keadaan di lokasi kanak-kanak tersebut ketika solat Jumaat,” katanya kepada pemberita, di sini.

Azlan berkata, ibu bapa yang membawa anak juga perlu turut memantau supaya tidak mengganggu jemaah lain solat.

“Kes sebegini turut berlaku di masjid dan surau lain, bagaimanapun, Saya juga berharap jemaah yang mahu membuat aduan supaya tampil berbinang dengan ahli jawatankuasa pentadbiran surau, mungkin ada idea yang baik dapat kita kongsi bersama,” katanya.

Menurutnya, para jemaah juga seharusnya bersama-sama bertanggungjawab dan menasihati kanak-kanak terbabit apabila mendapat mereka

membuat bising.

“Pihak ahli jawatankuasa surau ini akan mengadakan lagi perbincangan berhubung isu ini dalam masa terdekat,” katanya.

Terdahulu salah seorang jemaah mendakwa sekumpulan enam hingga sembilan kanak-kanak berkumpul di tangga pintu utama surau terbabit tanpa sebarang tindakan daripada ahli jawatankuasa.

Kanak-kanak itu bercakap kuat, ketawa dan bergurau senda sesama mereka bermula dari azan pertama, waktu khatib membaca khutbah sehinggalah solat Jumaat.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
08 MAC 2019 (JUMAAT)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pertimbang bina semula rumah
Muka Surat	24

## Pertimbang bina semula rumah

8/3/19 M/S 24



Syed Abdul Halim (tiga, kiri) bersama wakil Upen melawat tapak untuk permohonan bina semula rumah yang musnah terbakar.

Nasib mangsa kebakaran kini dalam perhatian pihak berkaitan

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Permohonan Program Bantuan Rumah Kerajaan Pribatin sebuah keluarga yang merupakan mangsa kebakaran masih dalam pertimbangan pihak berkaitan.

Ketua Kampung Kampung Pandan Syed Abdul Halim Syed Harman berkata, mangsa, Shahrin Mohd Ali, 63, telah memohon bantuan tersebut sejak 2017.

"Saya difahamkan permohonannya pernah ditolak sebelum ini dengan alasan dia bujang, tiada komitmen dan tiada tanggungan."

"Bagaimanapun, dia memikul tanggungjawab dalam membantu dan menanggung perbelanjaan harian keluarganya," katanya.

Syed Abdul Halim berkata, mangsa tersebut turut menjaga ibunya termasuk rawatan perubatan.

"Saya dimaklumkan ibunya merupakan pesakit darah tinggi dan memerlukan perjagaan dan perhatian keluarga tersebut," katanya.

Beliau berkata, Shahrin kini menumpang di rumah adik perempuannya.

"Saya dimaklumkan

info

Permohonannya pernah ditolak dengan alasan mangsa bujang, tiada komitmen dan tiada tanggungan

rumah tersebut akan dibina di tapak asal rumah mereka yang telah musnah dalam kebakaran.

"Keputusan permohonan keluarga tersebut adalah bergantung kepada pertimbangan Jawatankuasa Pemilihan yang bersidang," katanya.

Satu lawatan tapak telah diadakan bersama Penghulu Mukim Ampang 2, Rafizi Jamro dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) Selangor